

Konflik Melayu-Cina 1945-1948: Peranan Islam Dalam Membangkitkan Kesedaran Ke Arah Survival Bangsa

Mohamed Ali bin Haniffa*
Mohammad Redzuan bin Othman**

Abstrak

Kertas kerja ini mengemukakan peranan Islam dalam membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu khususnya ketika pemerintahan kuasa kolonial di Tanah Melayu. Kemuncak kesedaran berlaku ketika pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Pemerintahan Jepun telah mempertajamkan hubungan dingin di antara orang Melayu-Cina. Rasa tidak puas hati tersebut diterjemahkan dalam bentuk pergaduhan di antara orang Melayu-Cina selepas Jepun menyerah kalah. Selama ini kajian belum pernah dilakukan kepada kebangkitan masyarakat Melayu yang cuba mempertahankan kewujudan mereka. Parang Panjang menjadi penyelesaian kepada kemuncak kemarahan orang Melayu apabila soal yang melibatkan akidah serta pengamalan agama mula diperkotak-katikkan. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan, melibatkan dokumen, fail serta kajian lapangan. Hasil kajian mendapati bahawa kuasa kolonial telah membentuk ketidakseimbangan dalam menyusun atur masyarakat di Tanah Melayu. Penguasaan British yang berpanjangan sampai kepada kemuncak ketika zaman pemerintahan Jepun. British yang menganggap mereka lebih superior tidak mampu memberikan perlindungan kepada negeri naungan (Protected Malay States). Bagi orang Melayu yang beragama Islam, mereka sudah sinonim dengan perjuangan mempertahankan kesucian agama Islam sejak dahulu lagi. Islam bukan sahaja digunakan sebagai intipati di dalam perjuangan sebaliknya sebagai elemen utama dalam menggerakkan kebangkitan masyarakat Melayu mempertahankan hak mereka. Perbezaan budaya hidup tanpa mempunyai sikap bertolak-ansur serta pelanggaran ke atas kesucian agama Islam telah menjadi salah satu sebab meletusnya konflik etnik di antara orang Melayu-Cina. Tambahan pula orang Cina ketika itu sudah sinonim dengan komunis dan juga kekejaman. Golongan imam, guru agama serta ulama di beberapa buah negeri mula mengajar ilmu kebatinan serta seni mempertahankan diri. Islam telah mencetuskan nasionalisme bukan sahaja untuk menghadapi ancaman terhadap kesucian agama Islam tetapi lebih bersifat untuk membebaskan tanahair.

* Pelajar Phd Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

** Profesor Dr. Mohammad Redzuan bin Othman merupakan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abstract

This paper submits Islamic role in raise of the Malay community awareness especially at the time of colonial power rule in Malaya. The awareness happened when the Japanese rule in Malaya. The Japanese Occupation had sharpened the distance in the Malay-Chinese relationships. That dissatisfaction translated in fight form between Malay- Chinese after the Japanese surrender. All this while, there had never been a study done towards the Malay society's rises that try defending their existence. Fights had becoming resolutions to the angry Malays when questions which involve faith and religious practice started to be trifled with. This study used qualitative research method, involving documents, files and field research. The results of the study had found out that the colonial power had made imbalances in the layout of the society in Malaya. British occupation that prolonged reaches the climax at the Japanese ruling era. British that considers themselves more superior unable to accord protection to protectorate (Protected Malay States). For Malay that Muslim, they already synonym with the struggle to defend the holiness of the Islamic religion immemorial. Islam is not only used as essence in struggle but also as the key element in moving the Malay society to rise and defend their authority. The cultural difference live without having attitude tolerate and collision on holiness of the Islamic religion has become either reason the eruption of ethnic conflict between Malay-Chinese person. Furthermore, the Chinese at that time already synonym with the communist and also the cruelty. The Imam group, religious teacher and theologian in a number of states started teaching mysticism knowledge and the art of self-defense. Islamic triggered nationalism not only to be faced threat on holiness of the Islamic religion but more characteristic to release the country.

Pendahuluan

Malaysia mempunyai sebuah masyarakat majmuk yang dibentuk oleh penduduk berbilang kaum. Kemajmukan masyarakat di Tanah Melayu menjadi lebih unik lagi dengan kedatangan imigran hasil galakan pihak British dan desakan hidup di negara asal mereka. Perpaduan antara kaum serta perkara berkaitan merupakan isu penting dalam sejarah Malaysia. Masalah perkauman di Malaysia berpunca daripada pelbagai sebab termasuk dasar British, zaman pemerintahan Jepun dan prasangka ras yang sukar dibendung yang telahpun berakar umbi di kalangan pelbagai golongan etnik. Ia turut dipupuk oleh memori negatif berkaitan hubungan kaum sejak 1930-an dan khususnya semasa dan selepas pendudukan Jepun.

Kedatangan Barat telah membawa bersama polisi pecah dan perintah yang telah meminggirkan orang Melayu dari arus pemodenan. Hal ini dirumitkan lagi dengan zaman pemerintahan Jepun yang telah mempertajamkan hubungan dingin di antara orang Melayu-Cina. Pengeksploitasian serta penguasaan ekonomi yang tidak seimbang, budaya kehidupan yang berbeza serta agama Islam yang

mula diperkotak-katikkan oleh orang Cina telah menyebabkan orang Melayu bersatu. Perbincangan dalam kertas kerja ini memberi tumpuan kepada pembentukan masyarakat majmuk dan permulaan bibit perpecahan kaum, faktor pencetus pergaduhan kaum dan Islam serta survival bangsa Melayu. Turut disentuh ialah beberapa contoh konflik Melayu-Cina dan natijahnya ke atas hubungan etnik di Tanah Melayu.

Masyarakat Majmuk dan Bibit Perpecahan Kaum

Dalam konteks sejarah sosial, Melaka ialah negeri yang mula-mula mempunyai masyarakat berbilang kaum dan agama. Menurut beberapa pengkaji sejarah seperti OW. Wolters dan Wang Gungwu, Melaka mula mengamalkan sikap liberal dan terbuka sejak pemerintahan Iskandar Syah (Parameswara) dan dua orang pengganti selepasnya.¹ Mereka menggalakkan pedagang dan orang luar datang ke pelabuhan Melaka sehingga terbentuknya masyarakat majmuk di kota Melaka. Seorang penulis Portugis bernama Tome Pires telah menulis dan menyatakan "... di pelabuhan Melaka biasanya terdapat lapan puluh empat bahasa digunakan, tiap-tiap satu berlainan ...".² Perhubungan di antara Melaka dengan negeri China dari sudut perdagangan telah mendorong raja Ming untuk menubuhkan Jabatan Bahasa Melaka (Bahasa Melayu) bagi meningkatkan hubungan ekonomi.³ Abdullah Munsyi pula di dalam bukunya *Hikayat Abdullah* mencatatkan, penduduk kota Melaka terdiri daripada pelbagai komposisi bangsa dan kaum.⁴

Sejarah kemajmukan kaum mula menjadi penting apabila pihak Inggeris mengawal dan menguasai negeri-negeri Melayu. British menggalakkan penghijrahan masuk orang Cina dan orang India secara tidak tersekat dan dengan jumlah yang ramai, supaya mereka dapat mengusahakan lombong bijih timah yang terkenal sebagai di antara yang terkaya di dunia dan juga membuka tanah

¹ *Berita Harian*, 1 Jun 2010, h. 27. Menurut Tome Pires, selepas kemangkatan Parameswara, penduduk Melaka dianggarkan kira-kira 6,000 orang. Winstedt dalam bukunya *History of Malaya* menyebut penduduk Melaka meningkat kepada 40,000 orang dewasa ketika pemerintahan Sultan Alauddin dan menjadi 190,000 orang sebelum Portugis menyerang Melaka.

² Zainal Abidin b. Abdul Wahid, *Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa*, dlm. *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008, h. 124.

³ Obaidallah b. Haji Mohamad, *Kesultanan Melaka: Dari Bahan Sejarah China Melihat Aspek Ekonomi*, dlm. *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008, h. 312. Raja Ming mengarah menubuhkan jabatan bahasa asing untuk memudahkan hubungan di antara tetamu asing atau para perwakilan berinteraksi dengan negeri China. Mereka melatih kakitangan kerajaan untuk menguasai bahasa Melaka supaya dapat menjalankan kerja-kerja istana melalui terjemahan, dengan tidak menimbulkan kekeliruan. Jabatan Bahasa Melaka merupakan salah satu jabatan di antara 8 jabatan bahasa asing.

⁴ Abdullah Munsyi mencatatkan hubungan antara kaum di Melaka begitu kuat dan harmonis sehingga seorang budak yang nakal dari satu bangsa boleh ditegur oleh bangsa lain. Ibu bapa budak yang dipukul atau ditegur itu akan berterima kasih kepada mereka kerana mengambil berat perlakuan atau perangai anaknya.

baru bagi mewujudkan ladang getah.⁵ Mengikut Anand,⁶ anggaran yang dibuat menunjukkan bahawa penduduk Tanah Melayu berjumlah seramai 250,000 pada tahun 1800. Bilangan ini meningkat menjadi 2,000,000 pada tahun 1900 dan 6.3 juta pada tahun 1957.⁷

Menjelang tahun 1921 bilangan orang Cina di Tanah Melayu adalah seramai 1,171,740 juta orang.⁸ Bilangan ini terus meningkat menjadi 1,704,452 orang pada tahun 1931 dan menjadi 2,614,667 orang pada tahun 1947.⁹ Amat nyata kedudukan ekonomi orang Cina pada awal abad ke-20 lebih kukuh berbanding dengan orang Melayu dan India. Kaum Melayu melihat kemajuan ini dengan perasaan yang tidak senang.¹⁰

Faktor Pencetus Pergaduhan Kaum

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah menyebabkan buat pertama kalinya berlaku pergaduhan di antara orang Melayu-Cina di Batu Pahat, Johor yang berpunca daripada dasar Jepun yang gagal mengambil kira kemajmukan Tanah Melayu ketika itu.¹¹ Chin Kee Onn di dalam buku yang bertajuk *Malaya Upside Down* menyatakan "*the Japanese invasion turned South East Asia upside down*". Tindakan pertama yang dilakukan oleh tentera Jepun ialah dengan mengadakan kunjungan dan bertemu dengan pemimpin di peringkat akar umbi. Tujuannya ialah bagi mengucapkan terima kasih dan mencanangkan kembali slogan "*Asia untuk orang Asia*".¹²

⁵ Just Faaland, Jack Parkinson, Rais B. Saniman, *DEB Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, h. 5.

⁶ S. Anand menulis di dalam buku beliau yang bertajuk *Inequality and Poverty in Malaysia-Measurement and Decomposition*, h. 2.

⁷ *Ibid.*

⁸ Seramai 379,028 dari suku Hokkien, 331,757 dari suku Kantonis, 217,697 dari suku Hakka (Kheh), 130,026 Tiechiu (Teochiu), 68,200 Hainanese (Hailam), 998 Kwongsai, 13,821 Hokchiu, 4,058 Hokchia, 1659 Henghwa (Hinhwa) dan 24,496 lain-lain suku.

⁹ M.V. Del Tufo, *A Report On The 1947 Census of Population*, Singapore: The Government Publications Bureau Singapore, 1949, h. 75.

¹⁰ Sivachandralingam Sundara Raja, Pembangunan Ekonomi Dan Hubungan Kaum Di Tanah Melayu, 1500-1957, *Seminar Kebangsaan Ketamadunan, Hubungan Etnik & Kokurikulum 2007*, 20 & 21 Mac 2007, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, h. 9. Kritikan terhadap eksploitasi ekonomi oleh orang Cina dapat diperhatikan dalam penulisan novel Ishak Haji Mohammad (Pak Sako) yang bertajuk *Anak Mat Lela Gila* dan *Putera Gunung Tahan*.

¹¹ Abu Talib Ahmad, Darurat Dan Perpaduan Antara Kaum, *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*, 1-4 Disember 2006, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor, h. 3.

¹² Menurut keterangan Tuan Yesuke Matsuoko, Ketua Utusan Nippon sewaktu *Perdebatan Manshokoku* dalam *Mesyuarat Lembaga Bangsa* di Geneve pada tahun 1932, cita-cita untuk membentuk penyusunan baru di Asia telah lahir sejak zaman pemerintahan Meiji, walaupun bentuknya belum jelas lagi.

Kemenangan, semangat keperwiraan, keberanian dan kesetiaan kepada pemerintah telah ditonjolkan kepada penduduk di Tanah Melayu.¹³ Za'ba sendiri pernah menyatakan "*Di Alor Star kami telah menjadi tamu kepada Tuan Yang Terutama Tsukigawa, yaitu seorang yang sangat lemah-lembut dan murah pada segala istiadatnya. Dia seorang yang disukai oleh orang ramai di dalam Kedah. Mereka memandangnya sebagai bapa kepada hamba ra'yat sekalian*".¹⁴ Pendakwah Islam yang berbangsa Jepun telah dihantar ke kawasan Asia bagi mendapatkan sokongan serta menjalankan kerja-kerja propaganda bahawa penaklukan yang sedang berlangsung ialah suatu perjuangan suci bagi menegakkan cita-cita "*Lingkungan Kemakmuran Asia Raya*".¹⁵

Di Tanah Melayu orang Cina meneruskan sentimen benci kepada orang Jepun dengan menjalankan pemuluan. Pemuluan tersebut membawa kepada pembunuhan seramai 70,000 orang Cina di Singapura kerana Jepun melabelkan kesemua orang Cina berkenaan sebagai komunis.¹⁶ Terdapat juga gerakan penentangan terhadap Jepun yang dikenali sebagai "*Anti-Japanese Army*".¹⁷ Seramai 13 orang penduduk¹⁸ di Mukim Sega, Raub telah diseksa kerana menolong askar British yang diketuai oleh Tuan D. Headly ketika mereka melalui Mukim Sega dalam bulan Julai 1945.¹⁹ Orang Melayu telah dipaksa oleh Jepun untuk menjadi tali barut dan hal ini telah disalah tafsir oleh masyarakat Cina. Turot bin Dol dan Tukijo bin Jait telah ditangkap oleh tentera Jepun dan dihantar ke Thailand.²⁰

Dasar campur tangan British di Negeri-negeri Melayu telah memberikan kuasa yang luas kepada British memanipulasi kekayaan di Tanah Melayu. Artikel Enam di dalam Perjanjian Pangkor memperuntukkan seorang Pegawai British

¹³ *Fajar Asia*, 15 Gogatsu 2603, No. 7, Tahun 1, h. 223. Bangsa Jepun lebih rela mati dalam medan peperangan. Menurut mereka, ianya adalah lebih baik daripada kematian seseorang di atas perbaringan tempat tidurnya.

¹⁴ *Fajar Asia*, No. 13, Jugatsu 2603, Tahun 1, h. 406

¹⁵ *Fajar Asia*, No. 5, 13 Shigatsu 2603, Tahun 1, h. 136. Antara pendakwah Islam berbangsa Jepun ialah Sheikh Haji Muhammad Ibrahim Kayabuki yang berkesempatan datang ke Singapura.

¹⁶ CO 537/3757, Political Developments Chinese Affairs, h. 27-28.

¹⁷ WO 203/5642, The Anti-Japanese Union, h. 1.

¹⁸ 13 orang yang telah ditangkap dan diseksa oleh pihak Jepun ialah Abas bin Sham, Ibrahim bin Yat, Abd. bin Daud, Abd. Kadir bin Ibrahim, Abd. Majid bin Ibrahim, Satar bin Mat Dahan, Yusuf bin Abu Bakar, Omar Baki bin Abdullah dan Abd. Latif bin Andak. Kesemua mereka telah ditangkap pada 7 Ogos 1945 dan dibebaskan pada 30 Ogos 1945. Seramai empat orang telah ditangkap pada 9 Ogos 1945 dan dilepaskan pada 14 Ogos 1945. Mereka ialah Syed Abdul Rahman, Mat Zin bin Tawi, Mat Salleh bin Mat Yatim dan Yaakob bin Gendot.

¹⁹ 229/1947, Surat Dari Asst. Penghulu Sega, Raub, Mukim of Sega Kepada Yang Mulia Tengku Nasruddin A.D.C. to H.H. Pahang, Bertarikh 17th September 1947, hlm. 1-2. Ini menangkis pandangan bangsa lain bahawa orang Melayu merupakan komuniti yang tidak terjejas akibat dari pendudukan Jepun.

²⁰ MU. Sec. 6834/47, Surat Dari Salbiah binti Haji Sulieman, C/O. No. 7, Jalan Petrie, Muar, Kepada His Excellency, The Governor of The Malayan Union, Kuala Lumpur, Bertarikh 5th June 1947, h. 1.

yang dilantik sebagai seorang Residen.²¹ British menganggap bahawa mereka adalah pemerintah dan mengamalkan polarisasi perkauman. Sebaliknya mereka juga tidak mengiktiraf hak kemanusiaan dan menganggap orang lain sebagai hamba.²² Beberapa orang pengkaji seperti Brian Harrison dan Wan Hashim Wan Teh menjelaskan bahawa masalah perpaduan sudahpun wujud sejak zaman kolonial lagi.²³

Polisi *divide and rule* menyebabkan keadaan yang terpisah ini tidak memungkinkan hubungan baik terjalin antara mereka.²⁴ Akhbar *Saudara* bertarikh 30 November 1932, mengkritik polisi British dengan menyatakan "Kita tidak sekali-kali terfikir bahawa kerajaan yang maha adil ini hanyalah semata-mata memikirkan perbendaharaannya sahaja, tidak menaruh timbangan sama ke atas rakyat negeri yang akan ditimpa oleh marabahaya kesusahan hidup di dalam masa yang dahsyat yang hendak dijalankannya cukai-cukai bagi masalah perbendaharaannya itu".²⁵ Orang Eropah di luar dari Tanah Melayu memandang pendudukan Jepun sebagai "*a God-sent chance to clear up all the country's troubles*".²⁶ Kejatuhan Tanah Melayu juga menunjukkan dengan jelas kelemahan polisi *divide and rule* British.

Rasa tidak puas hati terhadap dasar kolonial serta percaturan ekonomi yang tidak seimbang telah disuarakan oleh orang Melayu ketika berlaku zaman kemelesetan ekonomi dunia yang melanda Tanah Melayu antara tahun 1929-32.²⁷ Perniagaan orang Cina menjadi semakin makmur dan meningkat. Hal ini dilihat oleh orang Melayu sebagai suatu ancaman besar kepada situasi politik dan ekonomi mereka.²⁸ Helmut G. Callis, seorang ahli ekonomi menganggarkan bahawa jumlah keseluruhan pelaburan orang Cina di Tanah Melayu pada tahun 1937 ialah sebanyak USD 200 juta (lebih kurang £40,000,000).²⁹ Manakala jumlah

²¹ Patrick Sullivan, *Social Relations Of Dependence In A Malay State: Nineteenth Century Perak*, Kuala Lumpur: Art Printing Works, 1982, h. 15.

²² MU 1099/1946, Daily Press Summary- 28.12.46, Min Sheng Pau (Chinese Daily) Dated 28.12.46, h. 298(2).

²³ Brian Harrison dan Wan Hashim Wan Teh menegaskan bahawa dasar kolonial yang menyebabkan masalah dalam hubungan kaum, ketegangan serta konflik kaum. Slogan *White Man Burden* dan polisi *Divide and Rule* telah berjaya memisahkan etnik di Tanah Melayu sebagaimana aspirasi British.

²⁴ Ho Hui Ling, Darurat Dan Perpaduan Antara Kaum, *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*, 1-4 Disember 2006, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor, h. 2.

²⁵ Siti Rodziyah Nyan, *Akhbar Saudara Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, h. 107-108.

²⁶ A.J. Stockwell, *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment*, Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Monograph No.8., Kuala Lumpur: Art Printing Works, 1979, h. 17.

²⁷ Abu Talib Ahmad, *Darurat Dan Perpaduan Antara Kaum*, hlm. 3. Kebimbangan orang Melayu terhadap golongan imigran telahpun disuarakan oleh para intelegensia Melayu seperti Za'ba dan Ishak Haji Muhammad sejak tahun 1930-an lagi.

²⁸ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press, 1983, h. 5.

²⁹ Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, London: Oxford University Press, 1948, h. 235.

pelaburan dari pemodal lain ialah sebanyak \$454.5 juta (lebih kurang £90,900,000).³⁰ Situasi tersebut dialami oleh orang Melayu di Mukim IV, Batu Pahat.³¹ Kegawatan ekonomi telah menyebabkan British campur tangan dalam bentuk repatriasi buruh yang sudah kehilangan pekerjaan, kewujudan kerja bantuan sebagai pekerjaan sementara dan pemberian tanah kepada golongan imigran.³²

Penguasaan ekonomi yang tidak seimbang telah membawa kepada berlakunya percanggahan dalam budaya kehidupan. Usaha telah diadakan supaya orang Melayu yang mudah memberi dan mudah menerima itu tidak dicabar.³³ Kenelm O.L. Burrige menyatakan:

"Before the war we and the Chinese lived in peace. But now they want to swallow the people (makan orang). We Muslims do not chase money. That is the Chinese way. They are not Muslims and they do not have the same understanding (faham). If they became Muslims it would be all right".³⁴

Gambaran "kasar dan tidak beradab" telah menimbulkan batasan pergaulan di antara orang Melayu-Cina.³⁵ Bilangan imigran lelaki yang melebihi wanita telah membawa kepada masalah pelacuran. Pada tahun 1901 terdapat 100 orang wanita berbanding dengan 1000 orang lelaki imigran Cina di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).³⁶ Apabila kelebihan ekonomi melebihi sesuatu kaum maka akan berlaku pelanggaran ke atas norma kehidupan. Di Bandar Penggaram, Johor, terdapat kelompok komuniti Cina yang suka duduk melepak di kedai makan dalam situasi yang tidak menghormati adat dan budaya masyarakat tempatan.³⁷ Di samping itu mereka juga telah dikatakan membawa budaya berjudi dan minum arak.³⁸

³⁰ *Ibid.*

³¹ Musak Mantrak, "Sejarah Masyarakat Majmuk Di Mukim VII Batu Pahat, Johor 1900–1945", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1974/75, hlm. 4. Orang Melayu menjalankan aktiviti pertanian dengan menanam pinang dan getah. Orang-orang Cina pula mengusahakan tanaman gambir dan lada hitam. Aktiviti pembalakan juga dilakukan di kawasan pedalaman dan hulu sungai. Terdapat juga segelintir orang Cina yang menjalankan aktiviti menyamun dan merompak dalam kumpulan kongsi gelap Cina iaitu *108 Hero*.

³² Lesen Pendudukan sementara (TOL) telah dikeluarkan bagi mengambil hati orang Cina. T.S. Adam, Residen Selangor (1932-1937) telah mengeluarkan arahan agar tanah TOL hanya boleh digunakan untuk menanam tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran di Selangor.

³³ Just Faaland, Jack Parkinson, Rais B. Saniman, *DEB Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, h. 6.

³⁴ Kenelm O.L. Burrige, "Racial Relations in Johore", *Australian Journal of Politics and History*, Vol. II, No. 2, May 1951, h. 163.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, h. 174.

³⁷ Kenelm O.L. Burrige, "Racial Relations in Johore", h. 166.

³⁸ *Ibid.*

Orang Cina menguruskan sekolah, rumah ibadat serta kemudahan yang lain di dalam masyarakat tanpa mengira pandangan masyarakat setempat. Terdapat juga masyarakat Cina di Batu Pahat yang berkahwin dengan orang Melayu dan menjadi Muslim (masuk Melayu).³⁹ Orang Cina juga sering kali suka melibatkan diri dalam hal yang berkaitan dengan adat istiadat orang Melayu.⁴⁰ Konflik Melayu-Cina juga berlaku disebabkan oleh provokasi oleh sesuatu pihak kepada pihak yang lain.

Akibat dari rasa takut serta sifat perkauman yang sangat kuat, orang Cina sering kali menaruh prasangka segala aktiviti orang Melayu. Seheinggakan apabila orang Islam berkumpul di surau atau masjid dengan bertahlil "*La illa ha il Allah*" mereka menyangka orang Melayu menyeru "*Lai la*" (marilah).⁴¹ Mereka juga mengatakan bahawa orang Melayu menyeru hantu atau semangat orang Melayu yang mati dibunuh olehnya datang membalas dendam.⁴²

Rasa benci serta dendam ke atas etnik yang lain menyebabkan pelbagai cerita dan spekulasi dibuat bagi menimbulkan ketegangan. Antaranya ialah kejadian luar biasa yang berlaku pada waktu malam sehingga orang Cina hidup dalam ketakutan. Perkara sebegini telah berlaku di Setapak dan Ulu Gombak pada 18 Januari 1946.⁴³ Dalam banyak laporan akhbar menyatakan bahawa pemimpin orang Cina tidak cuba untuk menasihatkan komuniti mereka agar hidup dalam keadaan yang harmoni dan telah mencetuskan pergaduhan di antara orang Melayu-Cina.⁴⁴

Faktor Islam dan Survival Bangsa

Faktor segera yang telah mencetuskan konflik berdarah Melayu-Cina ialah apabila berlaku pencabulan ke atas kesucian agama Islam.⁴⁵ Masyarakat Melayu telah hilang kepercayaan terhadap komuniti Cina apabila tentera Bintang Tiga

³⁹ *Ibid.*, h. 157. Orang Melayu juga sering kali mengambil anak-anak orang Cina untuk dijadikan anak angkat. Mereka juga diislamkan oleh mereka. Tetapi apa yang amat menyedihkan ialah orang Melayu tidak boleh mengahwini gadis Cina.

⁴⁰ *Seruan Ra'ayat*, 17 November 1945, h. 2.

⁴¹ *Seruan Ra'ayat*, 21 November 1945, h. 2.

⁴² Keadaan ini telah menyebabkan orang-orang Cina tidak boleh tinggal dalam keadaan aman dan sentiasa risau pada waktu malam.

⁴³ *Seruan Ra'ayat*, 19 Januari 1946, h. 2. Sentimen ini juga menyebabkan beberapa orang peniaga Cina bersama keluarga mereka di Setapak dan Ulu Gombak berpindah ke tempat lain bagi menyelamatkan diri. Rasa takut serta propaganda yang melampau menyebabkan British mengeluarkan arahan agar semua senjata yang dimiliki oleh orang Melayu diserahkan kepada pihak berkuasa British.

⁴⁴ MU 1099/1946, Kuala Lumpur Daily Press Summary-Vernacular papers-No. 68, Majlis (Malay Daily) Dated 20.12.46, h. 291(1).

⁴⁵ Berdasarkan kepada kajian lapangan yang telah dijalankan setakat ini di Batu Pahat, Johor, Sungai Manik di Perak, Bekor di Kuala Kangsar, Perak, Padang Lebar di Batu Kikir, Negeri Sembilan dan Batu Malim di Pahang. Sentimen mengenai agama Islam telah menjadi faktor segera kepada meletusnya konflik berdarah Melayu-Cina pada tahun 1945.

mula mengganggu upacara keagamaan di surau dan masjid.⁴⁶ Peristiwa tersebut telah berlaku di Batu Pahat, Johor sebelum tentera Jepun menyerah kalah. Ketika itu umat Islam sedang berpuasa. Tentera Bintang Tiga melarang orang Melayu berkumpul di surau atau masjid untuk mengerjakan sembahyang terawih dan beribadat serta berjemaah.⁴⁷ Larangan serta sekatan berkenaan telah menjadikan orang Melayu semakin bersatu. Perkara yang sama juga telah berlaku di Perak dan Batu Pahat. Orang Melayu juga menghadapi masalah ketika mengerjakan sembahyang Jumaat. Gerila Cina menggunakan kesempatan membunuh orang Islam dengan menembak dan membakar masjid ketika mereka sedang bersembahyang.⁴⁸ Masjid dicemari dengan kejadian seperti menyembelih khinzir.⁴⁹ Kekejaman gerila Cina juga ialah apabila ruang masjid digunakan sebagai tempat memasak daging khinzir dan orang Melayu telah dipaksa untuk menyertai mereka.⁵⁰ Kawasan masjid di Air Hitam, Muar juga telah digunakan bagi menyembelih khinzir dan menyebabkan masyarakat setempat terganggu daripada menjalankan ibadat.

Isu perkauman menjadi dominan selepas pemerintahan Jepun dan diburukkan lagi dengan tindakan British yang seolah-olah cuba untuk mempermainkan kesucian agama Islam. Pada 18 Julai 1947, Mejar Cock telah menggunakan Al-Quran dalam majlis angkat sumpah kepada semua belia Islam yang menyertai tentera British.⁵¹ Dalam majlis angkat sumpah berkenaan, rekrut yang beragama Islam telah diarahkan memegang Al-Quran di tangan kiri dan mengangkat tangan kanan dalam keadaan melafazkan ikrar.⁵² Tindakan Mejar Cock telah menimbulkan perasaan marah di kalangan sultan⁵³ dan juga orang Islam di Tanah Melayu. Bantahan telah disuarakan di dalam akhbar *Utusan Melayu* serta surat bantahan telah dihantar kepada British.⁵⁴ Keadaan ini diburukkan lagi apabila Gabenor tidak memaklumkan perkara tersebut kepada Majlis Islam Tertinggi.⁵⁵

Penindasan serta perencanaan penjajah yang tidak seimbang telah menyebabkan masyarakat Melayu mula memikirkan survival bangsa. Dalam konteks perjuangan politik di Tanah Melayu, fahaman nasionalisme menetapkan bahawa agamalah yang menjadi sumber dan matlamat akhir kepada

⁴⁶ Hairi Abdullah "Kebangkitan Dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar Dan Batu Pahat", *Jebat*, Bil. 3/4, 1973/4, 1974/5, h. 9.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 8.

⁴⁸ Kenelm O.L. Burridge, "Racial Relations in Johore", h. 163.

⁴⁹ *Ibid.*, h. 163.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ MU. Sec. 8434/47, Telegram Dari Secretary Mijlis Islam Tertinggi Malaya Kepada Governor, Malayan Union, Kuala Lumpur, Bertarikh 18.7.47, h. 1.

⁵² MU. Sec. 8434/47, Extract From Straits Times ("Koran, British Minta Ma'af"), Bertarikh 19.7.47, h. 2.

⁵³ MU. Sec. 8434/47, Surat Dari Secretary To Resident Commissioner Perak Kepada The Deputy Chief Secretary, The Secretariat, Kuala Lumpur, Bertarikh 10 Aug. 47, h. 5.

⁵⁴ MU. Sec. 8434/47, Telegram Dari Secretary Mijlis Islam Tertinggi Kepada Governor Malayan Union Kuala Lumpur, Bertarikh 18 July 1947, h. 1.

⁵⁵ MU. Sec. 8434/47, Surat Dari Deputy Chief Secretary Kepada Secretary To Resident Commissioner, Perak, Bertarikh 25 July 1947, h. 2.

pembentukan sebuah negara bangsa Melayu, hingga disamakan bahawa menjadi Melayu dan negara bangsa Melayu itu mestilah Islam. Agama telah menjadi tenaga pendorong dan penguat kepada kesedaran dan perjuangan orang Melayu. Pengaruh Islam dalam konteks perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu adalah menonjol lebih-lebih lagi kerana perjuangan awal nasionalisme Melayu dipelopori oleh tokoh dan pemimpin agama, atau mereka yang berjiwa agama. Tahun 1945-46 merupakan tahun yang paling genting dan cemas dalam sejarah orang Melayu. Pada ketika orang Melayu sedang diancam oleh Bintang Tiga, kerajaan British telah mengkhianati orang Melayu dengan mengisytiharkan di Parlimen British di London hasratnya untuk menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai tanah jajahannya yang dikenali sebagai Malayan Union.⁵⁶

Ulama pada abad ke-19 muncul di kebanyakan negeri di Tanah Melayu seperti Terengganu, Kelantan, Kedah, Pahang, Perlis, Perak dan Pulau Pinang.⁵⁷ Antara tokoh ulama yang terkenal ialah Syeikh Haji Fadhil Al-Banteni.⁵⁸ Ramai ulama yang telah berguru dengan beliau.⁵⁹ Ulama berperanan sebagai agen perubahan dan masyarakat menjadikan mereka sebagai *role model*.⁶⁰ Kedatangan ulama ke negeri-negeri Melayu telah menyuntik semangat jihad di kalangan penduduk.⁶¹ Penentangan di Perak dikaitkan dengan sentimen terhadap orang kafir.⁶² Pencerobohan asing ditentang atas prinsip Islam. Golongan pahlawan di

⁵⁶ Nik Anuar Nik Mahmud, Dato Onn Jaafar Dan Strategi Pengukuhan Ketuanan Melayu, *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato Onn Jaafar*, 1-4 Disember 2006, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor, h. 1.

⁵⁷ Ramai di antara ulama yang lahir pada abad yang ke-18 tetapi peranan aktif mereka jelas kelihatan menjelang abad ke-19. Sebagai contohnya ialah Haji Ishak bin Muhammad Hashim, tokoh ulama Kedah yang lahir pada tahun 1771 dan meninggal dunia pada tahun 1871.

⁵⁸ Mohd Akbal Abdullah, *Kiayi Fadhil Al-Banteni*, dlm Johor Mengenang Sumbangsihmu, ed. Abu Bakar A. Hamid, Md. Ismail Zamzam, Kamdi Kamil, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2006, hlm. 31. Kiayi Haji Fadhil al-Banteni atau lebih dikenali sebagai Kiayi Fadhil Lenga adalah seorang tokoh ulama dan ahli tarekat yang terkenal di Muar sekitar tahun 1910 hingga 1950. Beliau berasal dan dilahirkan di Banten, Jawa Barat pada tahun 1287 Hijrah bersamaan dengan tahun 1870 Masihi. Keluarga beliau lebih ramai tinggal di kawasan Liuliang, sebuah petempatan kecil berhampiran Bogor. Bapa beliau, Haji Abu Bakar bin Abu Kassim merupakan seorang ulama terkenal di Banten. Bapa beliau pernah dilantik menjadi wakil kesultanan di Banten mengislamkan masyarakat Jawa di sekitar Pulau Jawa.

⁵⁹ Antara yang telah berguru dengan Syeikh Haji Fadhil Al-Banteni pada peringkat awal terdiri dari Kadi Haji Ahmad Syah dari Pontian, Kiai Salleh bin Abd. Karim (Batu Pahat), di Muar oleh Orang Kaya Haji Abdul Hamid dan di Mersing oleh Haji Siraj bin Marzuki. Perjuangan Kiayi Fadhil al-Banteni telah diteruskan oleh anak beliau iaitu Haji Abdul Hamid bin Haji Fadhil.

⁶⁰ Farid Mat Zain & Amnah Saayah Ismail, *Peranan Ulama Terhadap Perkembangan Islam di Pahang Pada Abad Ke-19*, dlm. *Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19*, ed. Farit Mat Zain, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2007, h. 195.

⁶¹ Tuan Haji Ishak dikatakan telah berhijrah ke Pahang sejak tahun 1880-an. Pulau Tawar pada ketika itu merupakan sebuah kubu kuat dan perkampungan pahlawan Pahang yang terkenal iaitu Imam Perang Rasul atau Tok Gajah. Pahang yang ketika itu berada di zaman awal penjajahan British telah berjaya diserapkan dengan elemen Islam.

⁶² Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, h. 133. Selepas bertemu Dato' Maharaja Lela,

Pahang telah memmanifestasikan prinsip jihad, sebagaimana penglibatan Kelantan dalam gerakan membantu pergerakan Islam di Champa semasa pemerintahan Sultan Mohamad I (1800-1837) dirangsangi oleh ukhuwah Islamiyah.⁶³ Oleh yang demikian gerakan menentang penjajah pada kurun ke-19 menggunakan pendekatan agama sebagai paksi utama dalam perjuangan.⁶⁴

Tarekat menjadi sebahagian dari amalan di dalam masyarakat Melayu. Menurut Syed Naguib Al-Attas, dua tariqat yang terkenal dan diamalkan di kalangan masyarakat Melayu ialah Qadiriyyah dan Naqshbandiyyah.⁶⁵ Ilmu yang dibawa dan diajar oleh guru tarekat ialah ilmu batin dan bukannya ilmu zahir. Antara guru tarekat ialah Shaykh Abdullah bin Mustafa di Kampung Parit Maimun, Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor.⁶⁶ Ilmu tarekat juga tersebar luas dengan berlakunya penghijrahan ulama dari satu tempat ke tempat yang lain. Pada abad ke-19 ramai ulama dari Patani telah berhijrah ke Terengganu kesan daripada serangan Siam ke atas Patani.⁶⁷ Menjelang awal tahun 1930-an madrasah yang

Dato' Sagor bersama Mat Arshad datang semula berbincang dengan J.W.W. Birch. Pada ketika ini jumlah mereka yang berkumpul di Pasir Salak meningkat di antara 50 atau 60 orang. Kebanyakan mereka membawa senjata. J.W.W. Birch melalui Mat Arshad, meminta Dato' Sagor mengarahkan mereka yang berkumpul itu bersurai. Dengan itu Dato' Sagor mengarahkan mereka yang berkumpul berundur ke tempat lain. Mereka yang berkumpul ini hanya berundur sedikit. Dalam pada itu pula mereka yang berkumpul berteriak mengutuk J.W.W. Birch sebagai orang kafir, bercakap besar dan menyoal kedatangannya di Pasir Salak.

⁶³ Mohamad Abu Bakar, Tanah Melayu Abad Ke-19, Pengislaman Penjajahan dan Pemupukan Manhaj Melayu, dlm. *Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19*, dlm. ed. Farit Mat Zain, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2007, h. 195.

⁶⁴ Menurut Abdullah Zakaria Ghazali, tahap kekuatan peranan agama tersebut berbeza antara satu gerakan dengan gerakan yang lain sehingga kadang kala menimbulkan kesukaran. Haji Abdul Rahman Limbong dikaitkan dengan idea Perang Sabil di kalangan masyarakat petani. Beliau menjelaskan bahawa Perang Sabil bukan sahaja untuk menegakkan agama, tetapi juga untuk menuntut hak yang lain sama ada hak ekonomi, politik atau sosial. Lihat Yahaya Abu Bakar, "Kebangkitan Tok Janggut Menentang Jepun", dlm. *Malaysia in History*, Volume Nineteen, Number One, June 1976, h. 25. Islam telah digunakan sebagai teras dalam perjuangan Tok Janggut di Kuala Muda, Kedah.

⁶⁵ Syed Naguib Al-Attas, *Some Aspects of Sufism As Understood And Practiced Among The Malays*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963, h. 34.

⁶⁶ Shaykh Abdullah bin Mustafa mengamalkan Tarekat Qadiriyyah. Beliau mempunyai tanah seluas lima ekar dan mengusahakan penanaman kelapa dan kopi. Beliau dan isterinya tinggal di sebuah rumah beratap nipah yang telah dihadiahkan oleh penduduk kampung. Sebagai balasan kepada ilmu yang dicurahkan oleh beliau selaku guru tarekat, penduduk kampung tersebut merupakan imigran dari Jawa. Shaykh Abdullah bin Mustafa juga berasal dari Banten dan telah berhijrah ke Johor ketika berusia 19 tahun. Beliau telah menjadi pakar rujuk dan dukun di kalangan penduduk kampung.

⁶⁷ Antara ulama dari Patani yang telah berhijrah ke Terengganu kesan dari serangan Siam ke atas Patani ialah Sheikh Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim. Beliau dikatakan berketurunan Raja Bugis bernama Fakeh Ali yang telah menetap di Patani. Apabila kembali ke Terengganu beliau telah mengikut tradisi pengajian ilmu dengan membuka pondok di Bukit Bayas, Kuala Trengganu sehingga beliau dikenali sebagai Tok Sheikh Kadir Bukit Bayas. Di Terengganu sebuah pondok yang termasyhur dan berpengaruh ialah yang telah diasaskan oleh Sayyid Abdul Rahman al-Idrus (1817-1911) yang dikenali

dibina sepanjang Sungai Perak digunakan oleh kongsi gelap Melayu serta pertubuhan sulit bagi mengadakan mesyuarat.⁶⁸

Dalam usaha mempertahankan kelangsungan survival bangsa, elemen mempertahankan diri di dalam masyarakat Melayu mula diberikan perhatian. Ilmu silat merupakan suatu seni mempertahankan diri yang disertai dengan beberapa amalan ilmu kebal ataupun batin. Oleh yang demikian keyakinan dan amalan agama amat mirip kepada paduan unsur-unsur setempat dengan mistik sufi yang terdapat di seluruh alam Malaysia.⁶⁹ Zaman sebelum Perang Dunia Kedua telah menyaksikan kemunculan serta amalan di dalam masyarakat Melayu. British yang memang sudah mengetahui fenomena ini mengambil sikap berdiam diri dengan harapan tidak akan menjadi kronik. Orang Melayu pula mempunyai tanggapan bahawa amalan tersebut serta penglibatan di dalam pertubuhan sulit dan kongsi gelap ialah *Perang Jihad*.⁷⁰

Elemen ini telah menimbulkan kebimbangan kepada pentadbiran British. Tambahan pula isu ini terus berlanjutan sehingga ke tahun 1946.⁷¹ British mengakui sendiri bahawa ilmu kebal yang diamalkan oleh orang Melayu khususnya di Johor dan Perak telah mengganggu pentadbiran mereka.⁷² British juga cuba untuk mengkaji elemen *Sabilillah* dan ilmu kebal dan mengiktiraf keduanya adalah berbeza.⁷³ Terdapat laporan yang menyatakan bahawa *Sabilillah* adalah menentang orang Cina.⁷⁴ Walau bagaimanapun kenyataan ini telah disalah tafsirkan oleh para orientalis Barat. Hakikatnya ialah, *Sabilillah* merujuk kepada mempertahankan agama dan kewujudan dari sebarang keganasan.

dengan nama Tok Ku Paloh. Terdapat pondok pengajian lain di Terengganu yang bergerak pada abad ke-19 seperti Pondok Tok Kali di Sungai Rengas, Pondok Haji Abdul Hamid di Kampung Tebauk, Kuala Terengganu, Pondok Haji Hussin di Kampung Lapu, Besut, Pondok Haji Hassan di Kampung Gong Surau, Besut, Pondok Haji Said di Kampung Lama, Besut dan Pondok Haji Mat Shafie, Losong, Kuala Terengganu.

⁶⁸ Antara kongsi gelap Melayu yang berpengaruh ialah Bendera Putih dan Bendera Merah. Idea jihad serta pembaharuan yang diuar-uarkan telah menjadikan madrasah menjadi tumpuan bagi mendengar idea serta seruan jihad terhadap orang bukan Islam. Pengaruh kongsi gelap *Perak River Secret Society* menjadi dominan pada tahun 1933 dan kuasa Sultan serta polis digunakan bagi mengekang aktivitiinya.

⁶⁹ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1967, h. 6.

⁷⁰ A.J. Stockwell, *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, h. 151.

⁷¹ CO 537/1583, Surat Dari J.J. Paskin, Colonial Office, Downing Street, S.W.I. (SECRET) Kepada Sir Edward Gent, Bertarikh 22nd October, 1946, h. 5.

⁷² CO 537/1583, Surat Dari Sir Edward Gent Kepada Paskin, King's House, Kuala Lumpur, Malayan Union (SECRET), Bertarikh 8th October, 1946, h. 8.

⁷³ CO 537/1583, Surat Dari Defence Security Officer (Malayan Union), The Secretariat, Kuala Lumpur Kepada H.E., The Governor, Malayan Union, King's House, Kuala Lumpur, (SECRET), Bertarikh 7th October 1946, 1946, h. 9. Barat telah membuat tafsiran bahawa *Sabilillah* telah bermula ketika zaman Nabi Muhammad s.a.w. apabila perang jihad diisytiharkan bagi mempertahankan agama. Muslim yang gugur syahid akan ditempatkan di syurga. Idea ini telah diperluaskan kepada istilah "amuk" apabila berlaku pelanggaran ke atas kesucian agama Islam dan juga tempat beribadat.

⁷⁴ *Ibid.*, h. 10.

Ilmu kebal juga mendapat pengaruh dari Indonesia dan mula dilaporkan pada November 1945 di Negeri Sembilan. Sejak dari tempoh berkenaan, ilmu tersebut telah diperluaskan hingga ke seluruh semenanjung Tanah Melayu dan Singapura.⁷⁵ Antara objek yang digunakan bagi menjadikan seseorang pengamal itu menjadi kebal ialah kain selendang merah, cincin,⁷⁶ potongan ayat dari Al-Quran,⁷⁷ dan menggunakan suntikan jarum emas.⁷⁸ Terdapat juga penggunaan ilmu halimunan yang telah dibawa oleh Tuan Guru Haji Abbas⁷⁹ di Sungai Choh, Hulu Selangor.⁸⁰ Kiai Salleh bin Karim dikatakan kerap kali datang ke Ulu Cheka, Jerantut, Pahang bagi membincangkan soal orang Melayu bersama dengan Pawang Nong bin Santan.⁸¹ Beliau juga adalah pengikut serta pengamal Tarekat Qadiriyyah yang diasaskan oleh Sheikh Abdul Qadir Jilani dan mempraktikkan seni silat sendeng.⁸²

Ilmu kebal disertai dengan amalan minum air penebat yang bertujuan merangsang serta menaikkan semangat perjuangan. Pada September 1946, Syeikh (Syed) Idris yang berketurunan Jawa mula mengajar ilmu kebal serta mistik Melayu di daerah Kuala Kangsar, Perak. Menjelang bulan Julai 1947, konflik di antara Melayu-Cina bertambah serius di sepanjang Sungai Perak. Orang Melayu telah menjadikan parang panjang sebagai senjata utama bagi mempertahankan nyawa mereka.⁸³ British memandang pengamalan ilmu kebal

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Penggunaan cincin kebal dapat dikesan di Bekor, Kuala Kangsar, Perak.

⁷⁷ Potongan ayat dari Al-Quran seperti Tasbih Nabi Yunus menjadi ayat wajib yang diamalkan oleh semua pengamal ilmu kebal.

⁷⁸ Penggunaan jarum emas dikesan khususnya di Kelantan.

⁷⁹ Tuan Guru Haji Abbas merupakan guru silat yang disegani di kawasan Sungai Choh. Beliau berasal dari Bangkahulu, Indonesia. Beliau mempunyai banyak kelebihan khususnya yang melibatkan ilmu kebatinan Melayu.

⁸⁰ Tuan Haji Yahya bin Haji Abbas (Anak sulung Tuan Guru Haji Abbas), Kampung Sungai Choh, Hulu Selangor, Wawancara, 18 Februari 2010. Sungai Choh ketika itu telah menjadi pusat mempelajari amalan kebal dan juga persilatan.

⁸¹ Arif bin Nong, Kampung Jenerih, Ulu Cheka, Jerantut, Pahang. Wawancara, 27 November 2007. Syed Naquib al-Attas yang berpeluang melihat parang panjang Kiai Salleh menyatakan bahawa parang panjang tersebut telah memakan mangsa korban seramai 172 orang. Kenyataan ini turut diakui oleh salah seorang sahabat Kiai Salleh bin Karim iaitu Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf yang masih ada di Simpang Kiri, Batu Pahat Johor. Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf ialah rakan Panglima Salleh yang sama-sama berjuang menentang keganasan Bintang Tiga di daerah Batu Pahat, Johor.

⁸² Tuan Haji Yusof bin Salleh (Anak sulung Kiai Salleh), Johor Bahru. Wawancara, 8 Disember 2009. Lihat juga Zainal Abidin bin Abdullah, "Sepintas Lalu Tentang Seni Persilatan Melayu di Negeri Johor", Jabatan Pengajian Melayu-Sejarah, Maktab Perguruan Lembah Pantai, Kuala Lumpur, 1988, h. 4.

⁸³ British yang gagal mengawal keadaan menganggap amalan ilmu kebal orang Melayu mengganggu kestabilan masyarakat. Ini adalah kerana kebergantungan orang Melayu kepada sultan dan juga mufti beralih kepada golongan ulama serta pengamal ilmu kebal. Keadaan ini juga berpunca akibat dari ketidakmampuan mereka menghadapi keadaan ini secara berseorangan. Oleh yang demikian mereka kebanyakannya bergantung kepada golongan imam, ulama serta individu lain yang boleh mempertahankan kewujudan mereka.

orang Melayu sebagai suatu bentuk ancaman baru kepada mereka. Mereka menegaskan bahawa ilmu kebal ini akan membawa kepada amuk.⁸⁴

Pergaduhan Melayu-Cina dan Natijahnya

Menurut Cheah Boon Kheng, *Gerakan Sabillillah* ialah anti-Cina dan anti-MPAJA. Gerakan ini bermatlamat mempertahankan agama Islam dan mempertahankan kewujudan orang Melayu akibat dari pembunuhan kejam serta penyiksaan yang dilakukan ke atas mereka.⁸⁵ Konflik Melayu-Cina di Johor telah bermula antara Mac hingga Ogos 1945.⁸⁶ Konflik di Johor bermula di Ayer Hitam pada 20 Jun 1945 (bermula antara petempatan dari Muar ke Parit Sulong). Kejadian kedua telah berlaku pada 21 Jun 1945 di Parit Kuman, Mukim Sungei Balang.⁸⁷ Pada bulan Mei 1945 telah berlaku pembunuhan ke atas Moain Saridin @ Shahidin⁸⁸ dan Hassan Akasah.⁸⁹ Konflik terakhir telah berlaku di Mukim Sri Menanti pada 22 Ogos 1945.⁹⁰ Pada 20 Ogos 1945 seramai dua orang Cina telah dibunuh oleh orang Banjar di Batu 14, Sri-Menanti, Jalan Parit Jawa Muar.⁹¹ Pada 2 September 1945, Dato' Sheikh Abdullah bin Yahya⁹² telah diculik oleh orang Cina dan mencederakannya. Beliau telah meninggal dunia akibat dari kecederaan parah pada 5 September 1945.⁹³ Ja'afar bin Abu Bakar⁹⁴ dan Daeman bin Arshad

⁸⁴ CO 537/1583, Surat Dari Defence Security Officer (Malayan Union), The Secretariat, Kuala Lumpur Kepada H.E., The Governor, Malayan Union, King's House, Kuala Lumpur, (SECRET), Bertarikh 7th October 1946, h. 12.

⁸⁵ Cheah Boon Kheng, Sino-Malay Conflict in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance, *Journal of Southeast Asian History*, Volume 12, No. 1, 1981, h. 109.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ SUKJ. 6203/1945, Surat dari Chinese Relief Committee, Muar, No. 33, Jalan Ali, Muar, Kepada The Officer i/n Chinese Affairs, BMA Singapore, Bertarikh 12 November 1945, h. 13 A.

⁸⁸ Moain Saridin @ Shahidin merupakan bapa kepada Profesor Dr. Haji Amat Juhari Moain, mantan Dekan Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia (UPM). Manakala Hassan Akasah ialah bapa saudara beliau.

⁸⁹ *Utusan Malaysia*, 28 Mei 2009, h. 5. Semasa ditemui, mayat kedua-duanya tinggal rangka dan tulang, bercampur antara satu sama lain tanpa kepala. Kejadian ini berlaku apabila penduduk kampung, penghulu, orang alim dan pendekar dibunuh kerana enggan memberikan sokongan dan kerjasama kepada mereka. Dalam satu kejadian lain di Kampung Sungai Tongkang, Batu Pahat, sekumpulan komunis menyerang rumah penghulu. Mereka ditembak bertubi-tubi sebelum dibakar menyebabkan kira-kira 30 orang yang berlindung di rumah berkenaan mati. Kejadian ketiga telah berlaku pada 1 Julai 1945 di Semerah iaitu merupakan sebuah pekan kecil di daerah Batu Pahat. Dari kawasan Semerah, konflik berkenaan telah merebak ke Sungei Balang.

⁹⁰ SUKJ. 6203/1945, Surat dari Chinese Relief Committee, Muar, No. 33, Jalan Ali, Muar, Kepada The Officer i/n Chinese Affairs, BMA Singapore, Bertarikh 12 November 1945, h. 13 A.

⁹¹ RCJ. 241/46, Surat Dari Soh Chiow Yew, Sungei Pulai, Mukim of Sri-Menanti, C/O: The Chinese Association, No. 111 (Top-floor), Jalan Abdullah, Muar, Kepada The Resident Commissioner, Johore Bahru, Bertarikh 8 April 1947, h. 123.

⁹² Dato' Sheikh Abdullah bin Yahya ialah bekas Pegawai Daerah Mersing.

⁹³ RCJ. 241/46, Surat Dari Sheikh Mohamed Taufek, C/O Food Control Dept. Johore Bahru Kepada The Hon'ble The Resident Commissioner, Johore, Bertarikh 8 Julai 1947, h. 167.

telah dibunuh oleh tentera Bintang Tiga pada 24 September 1945 di Sanglang.⁹⁵ Sikam bin Gempal telah dibunuh oleh gerila Bintang Tiga di Parit Lintang, Pontian.⁹⁶

Hubungan Melayu-Cina di Segamat mulai renggang dan terdapat beberapa kejadian pertumpahan darah.⁹⁷ Provokasi ini merupakan sebahagian dari tindakan yang telah dilakukan oleh komunis dalam merenggangkan hubungan orang Melayu-Cina. Kekacauan juga telah berlaku pada malam 9 Februari 1946 bersamaan hari Sabtu dan pada tengahari Ahad 10 Februari 1946 di Bukit Gambir dan Parit Samsu, Johor.⁹⁸ Pergaduhan kecil-kecilan juga sering kali berlaku di beberapa lokasi yang didiami oleh orang Melayu dan Cina. Satu kejadian pergaduhan kecil telah berlaku di Pengerang.⁹⁹

Pada 10 Jun 1945, MPAJA telah membunuh seorang Pegawai Daerah Batu Pahat, Ismail Abdullah, Tuan Haji Hasbullah (Kadi Batu Pahat), dan Dr.Woodhull (Pegawai Perubatan Batu Pahat)¹⁰⁰ ketika berunding dengan MPAJA di Benut, Johor.¹⁰¹ Ekoran dari keganasan orang Cina ke atas orang Melayu, Tentera Sabil Selendang Merah (*Holy War Army of the Red Bands*) telah dibentuk oleh Kiai Salleh di Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor. Beliau telah menggabungkan penduduk Melayu yang terdiri dari dua suku yang berlainan iaitu Jawa dan Banjar.¹⁰² Senjata yang digunakan berupa parang panjang, lembing, keris, pedang dan tombak manakala MPAJA menggunakan senjata api. Kiai Salleh telah membahagikan struktur Tentera Sabil Selendang Merah kepada beberapa bahagian. Kiai Salleh bin Abdul Karim dibantu oleh Kiai Wak Joyo. Di bahagian Selatan Johor dibahagikan kepada tiga orang pemimpin iaitu Kiai Kusin, Kiai Mashudi dan Kiai Mayor (Moh). Di bahagian Timur Johor pula diketuai oleh Kiai Saudi, Kiai Maskam dan Kiai Sarbini. Manakala di Utara Johor diketuai oleh Kiai

⁹⁴ RCJ. 241/46, Surat Dari Abu Bakar bin Ja'afar, Penghulu Kayu Ara Pasong, Pontian, Kepada The District Officer, Pontian, Bertarikh 18 Mei 1947, h. A.

⁹⁵ RCJ. 241/46, Surat Dari Penghulu Abu Bakar bin Ja'afar, Kayu Ara Pasong, Pontian Kepada The District Officer, Pontian, Bertarikh 9 Julai 1947, h. 81A.

⁹⁶ RCJ. 241/46, Surat dari Hj. Rashid bin Hj. Nasir, C/O Penghulu Kayu Ara Pasong, Pontian, Kepada The District Officer, Pontian, Bertarikh 20 September 1947.

⁹⁷ SUKJ. 6112/1945, Political Report for Week 23-29.1.46, Bertarikh 30.1.46, h. 90.

⁹⁸ SUKJ. 6203/1945, Surat Dari Major G.W.D. Johnson, I.A.O.C, Civil Affairs Officer, BMA (M), Muar Kepada SCAO Region 6, H.Q. BMA (M) Johore Bahru Bertarikh 12 Februari 1946, h. 47. *Civil Adviser Officer* telah mengadakan mesyuarat bersama dengan semua komuniti di Bukit Gambir bagi menyelesaikan masalah dan aduan komuniti Cina yang mengatakan "takutkan orang Melayu" (*fear of the Malay*). Mesyuarat bersama dengan wakil orang Cina di Muar telah diadakan pada 11 Februari 1946 dan telah dihadiri oleh C.A.O., A.C.A.O. dan C.P.O.. BMA telah mentafsirkan bahawa sebarang perkelahian kecil diklasifikasikan sebagai konflik etnik. Mogok serta demonstrasi orang Cina di Muar semakin menjadi-jadi dan didalangi oleh elemen keganasan seperti komunis dan Bintang Tiga.

⁹⁹ RCJ. 65/46, Telegram Dari Resident Commissioner Johore Kepada Chief Secretary Malayan Union Kuala Lumpur, h. 54.

¹⁰⁰ Zaharah Nawawi, *Panglima Salleh Selempang Merah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, h. 234-235.

¹⁰¹ Ho Hui Ling, *Darurat Dan Perpaduan Antara Kaum*, h. 3.

¹⁰² Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, h. 208.

Mustahir, Kiai Haji Shamsuddin dan Kiai Haji Shukur.¹⁰³ Konflik etnik yang telah bermula di Simpang Kiri, Batu Pahat telah merebak hampir ke seluruh mukim di Batu Pahat. Dalam satu kejadian yang berasingan sebanyak 60 buah keluarga Cina dari Kampung Batu Pahat telah lari meninggalkan harta benda apabila sekumpulan orang Melayu dan Jawa mencari mereka dengan bersenjatakan parang.¹⁰⁴ Beberapa kejadian juga telah dilaporkan di Benut dan Rengit. Perjuangan Kiai Salleh mempertahankan survival bangsa tidak terhenti setakat di Simpang Kiri sahaja malah hampir di seluruh daerah Batu Pahat.

Konflik di Johor telah berkesinambungan di Sungai Manik, Perak. Konflik etnik di Sungai Manik¹⁰⁵ telah berlaku di antara 15 Ogos 1945 sehingga 15 September 1945.¹⁰⁶ Isu sensitif di mana satu kaum diserang oleh kaum yang lain sengaja disebar dengan harapan akan berlaku pergaduhan sesama mereka.¹⁰⁷ Bintang Tiga juga telah mula menjalankan propaganda untuk merekrut ahli-ahli baru.¹⁰⁸ Menurut Tuan Haji Zakaria bin Awang, ketua bagi orang Cina yang dikenali sebagai Gwo Bin dan Ah Loy¹⁰⁹ telah bermesyuarat di Parit 7.¹¹⁰ Dalam situasi cemas itu penduduk kampung mencari ulama yang boleh mengajar mereka ilmu kebal atau ilmu tak lut senjata.¹¹¹ Antara ulama yang menjadi tumpuan di Sungai Manik ketika itu ialah Tuan Haji Amir Hussin, Tuan Haji Yusof Tuan Haji Marzuki,¹¹² Tuan Haji Dahlan, Tuan Haji Mat Samad, Tuan Haji Anuar¹¹³ dan Tuan Haji Masmuda. Tuan Haji Bakri bin Haji Mohd Saman bertindak sebagai Tuan Guru atau pakar rujuk.¹¹⁴ Tuan Haji Bakri telah dilantik menjadi khalifah parang

¹⁰³ Hairi Abdullah, "Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat" h. 10.

¹⁰⁴ CO 537/1580, From Alfsea Kepada The War Office, Bertarikh 4 Sep. 46, h. 3.

¹⁰⁵ *Seruan Ra'ayat*, Ahad, 11 November 1945, h. 1.

¹⁰⁶ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya : Resistance and Social Conflict During And After The Japanese Occupation of Malaya, 1941–1946*, h. 230.

¹⁰⁷ Ghazali bin Basri, "Hilir Perak: Sejarah Hubungan Ras Zaman Pemerintahan Jepun Sehingga Pemerintahan Tentera British (B.M.A) 1942–1946", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1974/75, h. 31.

¹⁰⁸ MPAJA/ Bintang Tiga menggunakan taktik pujuk rayu bagi merekrut ahli-ahli baru. Jika sekiranya pujuk rayu tidak berhasil maka paksaan berupa ugutan, ancaman bunuh dan penculikan sering digunakan. Penduduk kampung yang tinggal di kawasan yang agak terpencil sering kali menjadi mangsa kekejaman. Penduduk kampung akan diserbu pada waktu malam dan ditangkap serta dibawa ke dalam hutan belukar. Pada kebiasaannya mereka akan menerima salah satu daripada keadaan samada menjadi anggota Bintang Tiga ataupun menjalani hukuman mati. Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohd Said, menggambarkan senario kesusahan hidup dengan kenyataan, "Bila siang Jepun cari, bila malam pula Cina Bintang Tiga cari."

¹⁰⁹ Gwo Bin @ Sing Gwo Bin dan Ah Loy mungkin merupakan nama samaran. Tujuannya ialah untuk melindungi identiti sebenar ahli Bintang Tiga.

¹¹⁰ Tuan Haji Zakaria bin Awang, Bekas Sidang, Parit 8 C, Sungai Manik, Perak. Wawancara, 5 Jun 2008. Bintang Tiga telah berpakat membawa anak-anak gadis penduduk kampung bagi direkrut menjadi kader komunis.

¹¹¹ Ghazali bin Basri, "Hilir Perak: Sejarah Hubungan Ras Zaman Pemerintahan Jepun Sehingga Pemerintahan Tentera British (B.M.A) 1942–1946", h. 35.

¹¹² Tuan Haji Marzuki berketurunan Jawa.

¹¹³ Tuan Haji Hanapiah bin Haji Salleh, Penduduk Parit 13 A, Sungai Manik. Wawancara, 6 Jun 2008.

¹¹⁴ Tuan Haji Zakaria bin Awang.

panjang. Beliau dibantu oleh Tuan Haji Shukor yang bertindak sebagai Naib Khalifah.¹¹⁵ Berita mengenai amalan ilmu kebal Sungai Manik telah sampai ke merata tempat. Penduduk dari Kampung Tebuk Banjar¹¹⁶ seramai dua belas orang telah pergi ke rumah Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman dengan tujuan untuk menuntut ilmu kebal.¹¹⁷

Pengumuman Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 ialah pada bulan Ramadhan telah menyebabkan MPAJA dan MPAJU semakin berani mengisytiharkan kuasa mereka.¹¹⁸ Bintang Tiga telah mula menghukum penduduk-penduduk kampung khususnya orang Melayu. Ada di antara mereka yang diikat kaki serta tangannya dan dimasukkan ke dalam guni lalu dicampakkan ke dalam laut hidup-hidup.¹¹⁹ Kemuncak kemarahan orang Melayu ialah apabila sebuah masjid di Parit 6 C mahu dijadikan sebagai bilik gerakan dan dewan drama oleh Bintang Tiga.¹²⁰ Kejadian-kejadian seumpama ini menyebabkan Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohd Said bersama penduduk kampung mula mempersiapkan diri bagi mempertahankan kampung halaman mereka apabila tekanan dikenakan kepada mereka.¹²¹ Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohd Said dan beberapa orang pemuda berjumpa dengan Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman di Parit 8 B Sungai Manik bagi membincangkan kedudukan masyarakat kampung.¹²² Tuan Guru Imam Haji Bakri telah mengisytiharkan perang jihad melawan orang kafir yang telah cuba mempersendakan agama serta nyawa orang Melayu. Kumpulan ini telah diberikan minum air jampi yang dikenali sebagai air penebat dan telah dianugerahkan Selendang Merah.¹²³ Kumpulan pemuda yang diketuai oleh Tuan

¹¹⁵ Ghazali Bin Basri, "Hilir Perak: Sejarah Hubungan Ras Zaman Pemerintahan Jepun Sehingga Pemerintahan Tentera British (B.M.A) 1942-1946", h. 35-36.

¹¹⁶ Kampung Tebuk Banjar terletak lebih kurang sepuluh batu dari mukim Sungai Manik ke arah Hutan Melintang Perak.

¹¹⁷ *Ibid.*, h. 36. Rombongan seramai dua belas orang terdiri dari Tuan Haji Yusuf, Tuan Haji Johari, Tuan Haji Shaari, Tuan Haji Jaafar (Jafak), Satar bin Rashidi, Awang bin Haji Othman, Hassan bin Haji Othman, Haji Nasri, Maamur bin Haji Masjuni, Haji Jaafar bin Haji Saman, Haji Bakri bin Shamsudin dan Tuan Haji Hassan bin Haji Sanusi. Oleh kerana tempoh mempelajari ilmu kebal ini sangat lama kerana mereka perlu menjalani beberapa amalan seperti solat, puasa dan zikir maka mereka membawa segala keperluan asas yang diperlukan seperti pakaian dan senjata. Penduduk yang datang dari Kampung Tebuk Banjar mempunyai pertalian kekeluargaan yang rapat dengan penduduk di Sungai Manik. Ramai di antara saudara mara mereka yang telah membuka tanah sawah di Sungai Manik pada peringkat awal. Justeru itu keperluan seperti penginapan dan makanan tidak menjadi masalah kepada mereka.

¹¹⁸ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, h. 231.

¹¹⁹ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981, h. 32.

¹²⁰ Ghazali bin Basri, "Hilir Perak: Sejarah Hubungan Ras Zaman Pemerintahan Jepun Sehingga Pemerintahan Tentera British (B.M.A) 1942-1946," h. 43.

¹²¹ Berserta dengan ilmu batin yang telah dipelajari menjadikan diri mereka amat yakin untuk berhadapan dengan musuh Islam mereka iaitu Bintang Tiga. Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohd Said telah membunuh seorang anggota Bintang Tiga dalam satu pergaduhan kecil yang telah berlaku di Parit 3.

¹²² Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman juga dikenali dengan gelaran Pak Haji Bakri di kalangan penduduk Sungai Manik.

¹²³ Air penebat ialah air yang telah dibacakan dengan ayat-ayat suci Al-Quran. Air ini diberikan kepada pejuang sabil apabila mereka hendak menentang musuh. Selendang

Haji Ugoh bin Haji Mohd Said telah diberikan pesanan oleh Tuan Guru Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman seperti berikut :

“Perjuangan ini adalah syahid. Qada dan Qadar telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.. Kalau ditakdirkan mati dibunuh, maka akan matilah dibunuh. Sentiasa amalkan kalimah La hi la ha hillallah dan ayat empat.”¹²⁴

Orang Melayu ketika itu hanya bersenjatakan parang panjang, keris dan pisau. Bagi komuniti Banjar Melayu, mereka menggunakan istilah “*mencantas*” bagi merujuk kepada konflik berdarah ini.¹²⁵ Konflik Melayu-Cina yang mula merebak menyebabkan orang Cina yang tinggal di Kampung Koh, Sitiawan, Ipoh, Kampar, Langkap dan Chucap datang memberikan bantuan kepada orang-orang Cina yang masih menetap di Sungai Manik.¹²⁶ Boleh dikatakan hampir setiap hari akan berlaku siri pergaduhan kecil yang melibatkan orang Melayu dengan Bintang Tiga. Pergaduhan ini disertai dengan beberapa perkara ganjil yang berlaku dengan izin Allah S.W.T.¹²⁷ Konflik Melayu-Cina di Sungai Manik dikenali juga sebagai kebangkitan orang Banjar dan akhirnya telah mula merebak ke merata tempat di negeri Perak.

Konflik Melayu-Cina di Perak terus merebak sehinggakan kampung-kampung tradisional Melayu menjadi mangsa kekejaman orang Cina. Bintang Tiga

Merah pula merupakan kain berwarna merah yang ditulis dengan kalimah Allah. Pada kebiasaannya selendang merah ini akan diselempangkan di atas bahu kanan. Terdapat juga selendang yang hanya diikat ataupun dililitkan di kepala sahaja. Menurut Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohd Said, selesai sahaja beliau meminum air penebat, jiwanya menjadi tenang dan bertambah berani. Perasaan was-was juga akan hilang dan hanya berfikir untuk mempertahankan agama Islam. Mereka juga tidak mempunyai perasaan kasihan kepada orang Cina dan perasaan marah sentiasa membuak.

¹²⁴ Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohd Said, Pejuang Parang Panjang, Parit 3 B, Sungai Manik, Perak. Wawancara, 6 Jun 2008.

¹²⁵ Istilah *mencantas* yang digunakan oleh orang Banjar merujuk kepada memancung ataupun memenggal leher Cina Bintang Tiga.

¹²⁶ Komuniti Cina dari luar Sungai Manik bukan sahaja datang memberikan bantuan kepada saudara sebangsa mereka yang tinggal di kawasan petempatan orang Melayu tetapi juga membantu perjuangan Bintang Tiga.

¹²⁷ Perkara-perkara ganjil yang telah berlaku masih menjadi sebutan penduduk Sungai Manik sehingga kini. Antaranya ialah senjata yang digunakan oleh Bintang Tiga ketika menembak orang Melayu tidak meletup. Begitu juga bom tangan yang dilemparkan oleh mereka juga tidak meletup. Begitu juga Bintang Tiga melepaskan tembakan ke arah atas kerana mereka memandangi musuh mereka tinggi seperti pokok kelapa. Bintang Tiga juga dikatakan tidak dapat melihat kelibat orang Melayu dengan jelas. Apa yang disedari oleh mereka ialah apabila parang panjang mengenai leher. Semua perkara ini berlaku dengan izin Allah dan berkat ilmu yang telah diperturunkan oleh Tuan Guru Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman yang lebih dikenali dengan gelaran Khalifah Parang Panjang. Keadaan yang tidak tenteram menyebabkan pergerakan orang Melayu keluar dari kawasan kampung menjadi terbatas. Orang Melayu yang hendak pergi ke Teluk Intan ketika itu berada dalam keadaan yang amat terancam.

telah menjadikan Sekolah Melayu Bekor sebagai markas Bintang Tiga¹²⁸ dan memaksa penduduk Kampung Bekor mendengar ceramah serta propaganda komunis di Sekolah Melayu Bekor. Seramai sebelas orang penduduk Kampung Bekor telah dipanggil untuk disoal siasat oleh pihak Jepun. Ini diikuti pula oleh kumpulan penduduk kampung yang lain.¹²⁹ Gerakan menyoal penduduk kampung telah diteruskan pada 11 Januari 1944.¹³⁰ Akhbar *Majlis* telah melaporkan seperti berikut:

“... seluruh Kampung Bekor yang dulunya sangat-sangat menyokong keras akan gerakan kerajaan Bintang Tiga telah ditukarkan tuhan akan perasaan dan rohnya lalu mereka itu berpaling tadah dan mula menentang segala pujukan-pujukan yang mengandungi racun daripada bangsa Cina yang mengajak lagi supaya orang Melayu bercampur dengannya untuk menghalau British daripada Semenanjung Tanah Melayu dan kemudiannya Tanah Melayu ini diperintah oeh tiga bangsa ...”¹³¹

Penglibatan beberapa orang ulama tempatan seperti Tuan Haji Salleh bin Abdul Manan, Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Manan dan Tuan Haji Shahbudin bin Lebai Sulaiman Bakul telah berjaya membawa perubahan baru di Kampung Bekor. Terdapat juga penglibatan beberapa orang Syeikh dari Bagan Serai seperti Tuan Syeikh Osman.¹³² Penyatuan penduduk Melayu Bekor seperti

¹²⁸ Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari, Saksi Peristiwa 6 Mac 1946, Kampung Kubang Undang, Bekor, Kuala Kangsar, Perak. Wawancara, 20 November 2008.

¹²⁹ Antara yang telah dipanggil oleh pihak Jepun ialah Cikgu Haji Ahmad bin Monak, Shaharuddin bin Yeop Abdul Hamid, Alang Ishak, Hamzah bin Ngah Pakar, Mahyuddin, Mat Pora dan Hashim bin Mat Yusuf. Kumpulan ini merupakan kumpulan pertama yang dipanggil oleh Jepun. Mereka telah dibawa dari Balai Polis Manong ke Balai Polis Kuala Kangsar. Seramai tiga orang penduduk kampung iaitu Harun bin Uda Hassan, Ibrahim Abdullah dan Hashim enggan menyerah diri. Pada 20 Disember 1943 mereka telah lari ke dalam hutan apabila pihak Jepun berusaha menangkap mereka. Proses soal siasat telah dijalankan oleh Sarjan Dahalan yang ketika itu menjadi Ketua Balai Polis Manong. Kesemua mereka telah dituduh membantu gerakan anti-Jepun. Kumpulan ini telah dibawa ke Balai Polis Kuala Kangsar dan telah dipaksa untuk mengaku dan bersumpah. Ada yang diketuk kepala dengan menggunakan kayu cota. Terdapat juga yang direndam ke dalam kolah air. Pegawai yang bertanggungjawab menjalankan penyiksaan ialah Inspektor Ridzuan bin Syeikh Abdul Rahman. Beliau dikenali sebagai Inspektor Che Wan. Ketika pemerintahan Jepun beliau menjabat jawatan Ketua Perisikan Cawangan Khas. Pada 5 Januari 1944 kesemua tahanan ini telah dibebaskan dan diberi amaran agar tidak terlibat di dalam gerakan menentang Jepun.

¹³⁰ Kumpulan kedua yang dipanggil telah diberi dua pilihan oleh pihak berkuasa Jepun. Mereka telah diarahkan berpindah ke Manong dan Seberang Manong ataupun semua orang lelaki di Bekor menyerah diri di Balai Polis Kuala Kangsar. Kumpulan penduduk Kampung Bekor telah membuat pilihan yang kedua. Seramai 50 hingga 60 orang yang terdiri dari kaum lelaki telah pergi menemui Sarjan Dahalan di Balai Polis Kuala Kangsar. Antara mereka ialah Cikgu Haji Jihin bin Chor dan Cikgu Samin.

¹³¹ *Majlis*, 17 Februari 1947, h. 2.

¹³² Abdul Rahman bin Uda Mohd.

yang telah dilakukan oleh para ulama tempatan telah menyebabkan hubungan dan kepercayaan mereka terhadap masyarakat Cina telah berubah. Dalam satu peristiwa seramai 100 orang Cina telah bertempiran lari apabila dikejar oleh orang Melayu. Mereka telah merosakkan tanaman orang Melayu ketika kerja membina jalan selebar 6 kaki.¹³³ Keadaan yang mencemaskan di Bekor akibat tekanan orang Cina telah menyebabkan wakil orang Melayu mengemukakan tiga tuntutan kepada orang Cina. Akhbar *Seruan Ra'ayat* melaporkan seperti berikut :

“Sa-orang guru Tauhid di-Manong di-dalam suatu mashuarat antara China dengan Melayu kerana hendak mendamaikan perkelahian di-situ telah mengeluarkan 3 tuntutan dengan chakap yang keras dan menghentam-hentam meja dengan tinju-nya sa-hingga China-China yang di-dalam mashuarat itu puchat muka-nya .”¹³⁴

Tuntutan pertama ialah memulangkan semula orang Melayu yang telah ditangkap dan dibawa ke dalam hutan. Sekiranya mereka ini telah dibunuh, orang Melayu telah memohon agar ditunjukkan kubur agar mereka boleh dikebumikan semula mengikut Islam. Mereka juga telah menuntut kembali harta benda milik orang Melayu yang telah dirampas serta dirompak oleh Bintang Tiga. Tuntutan ketiga ialah menyerahkan semua senjata seperti senapang yang berada dalam simpanan mereka kepada pihak kerajaan.¹³⁵

Serangan Bintang Tiga ke atas Kampung Bekor telah berlaku selama dua hari. Serangan pertama berlaku pada 5 Mac 1946 hari Selasa jam 10.00 pagi.¹³⁶ Serangan kali pertama ini berjaya dipatahkan oleh penduduk kampung.¹³⁷ Serangan kali pertama lebih merupakan tindakan Bintang Tiga menguji kekuatan dan persediaan orang Melayu. Pada pagi hari Rabu 6 Mac 1946, lebih kurang jam 5.30 pagi¹³⁸ telah berlaku serangan kali yang kedua ketika kebanyakan penduduk

¹³³ *Seruan Ra'ayat*, 7 Januari 1946, h. 1. Tanaman orang Melayu telah dimusnahkan oleh orang Cina ketika berada dalam zon yang berkenaan. Kerja-kerja ini telah dijalankan tanpa kebenaran dari penduduk kampung. Penduduk Melayu telah berkejar ke tempat kejadian dengan membawa parang panjang dan mengusir pekerja tersebut.

¹³⁴ *Ibid.*

¹³⁵ Kenyataan ini telah membuktikan bahawa orang Cina telah memulakan pergaduhan terlebih dahulu. Orang Melayu telah mempertahankan hak mereka setelah diganggu-gugat oleh Bintang Tiga. Justeru itu tuduhan yang dilemparkan bahawa orang Melayu yang menjadi punca kepada konflik adalah tidak berasas.

¹³⁶ Kamaruddin bin Mohd Piah, “Kampung Bekor Sejak 1900, Satu Kajian Sejarah Tempatan Dengan Rujukan Khas Kepada Tragedi 6 hb Mac 1946”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1974/75, h. 90.

¹³⁷ Ibrahim bin Uda Mohd, Penduduk Kampung Suak Petai, Manong, Perak. Wawancara, 21 November 2008.

¹³⁸ Melalui kajian lapangan yang telah dijalankan oleh penulis, kebanyakan saksi menyatakan bahawa peristiwa serangan ini berlaku apabila hari hampir menjelang subuh iaitu di antara jam 5 hingga 5.30 pagi.

kampung masih sedang tidur.¹³⁹ Dalam serangan tersebut setiap kawasan simpang dan jalan utama di seluruh kampung dikawal ketat oleh Bintang Tiga. Antara tokoh yang menjadi teraju utama bagi mempertahankan penduduk Melayu Bekor ialah Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Manan, Tuan Haji Salleh bin Abdul Manan, Tuan Haji Kulub Alang dan beberapa orang tokoh tempatan.¹⁴⁰ Keadaan yang terkepung telah menyebabkan ramai kanak-kanak serta kaum wanita yang tengah tidur menjadi mangsa.¹⁴¹ Akhbar Majlis melaporkan bahawa bilangan orang Cina yang datang menyerang ialah kira-kira 500 orang dan datang dari daerah Klian. Kumpulan ini telah datang dengan dua puak.¹⁴² Laporan BMA menyatakan "*It is not known where the attackers came from and as they dispersed rapidly in thick jungle country*".¹⁴³ Taktik serangan iaitu dengan membunyikan beduk di masjid telah menyebabkan penduduk kampung berada dalam keadaan kelam-kabut khususnya dalam memberikan bantuan.¹⁴⁴

Peristiwa 6 Mac 1946 telah meninggalkan kesan yang mendalam khususnya kepada penduduk Melayu di Kampung Bekor. Dalam serangan yang dianggarkan selama dua jam ini seramai 80 orang Melayu termasuk kanak-kanak telah dibunuh. Bilangan penduduk yang paling ramai menemui ajal ialah penduduk yang sedang bersolat subuh di Masjid Kampung Bekor.¹⁴⁵ British dalam satu laporan menyatakan seramai 70 orang Melayu telah dibunuh di Masjid Bekor (Bikaw).¹⁴⁶ Laporan British menyatakan bahawa pihak Cina tidak mengalami sebarang kehilangan nyawa dan serangan ini telah dirancang dengan sebegitu rapi.¹⁴⁷ Pada 7 Mac 1946 bersamaan hari Khamis, penduduk Kampung Semat telah bersepakat pergi ke kampung-kampung yang terlibat bagi mencari mangsa korban untuk tujuan pengebumian. Suatu perkara yang amat menghairankan ialah walaupun bilangan anggota Bintang Tiga yang dibunuh oleh orang Melayu

¹³⁹ Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari. Tuan Haji Shaari bin Haji Amin dan anaknya Abdul Aziz bin Shaari tidak berjemaah di masjid Bekor pada pagi tersebut. Mereka membuat keputusan untuk bersembahyang di rumah pada pagi kejadian.

¹⁴⁰ Senjata yang digunakan oleh orang Melayu bagi mempertahankan diri ialah parang panjang, golok dan keris. Manakala orang Cina menggunakan senapang, serampang, tat dan lembing tat. Antara tokoh yang mempertahankan keselamatan penduduk kampung ialah Tuan Haji Shaari bin Haji Amin dan Daud bin Haji Amin. Tuan Haji Amin bin Kulub Hitam, Abdul Munan bin Haji Amin, dan Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Manan berada di barisan hadapan.

¹⁴¹ *Utusan Melayu*, 12 Mac 1946, h. 4.

¹⁴² *Majlis*, 24 Februari 1947, h. 5.

¹⁴³ CO 537/1580, Surat Dari H. Ralph Hone, Headquarters, British Military Administration, Malaya, Kuala Lumpur Kepada Consul-General, Consulate-General of The Republic of China, Singapore, Bertarikh 8 March 1946, h. 17-18.

¹⁴⁴ Penduduk kampung tidak mengetahui bahawa beduk bukan sahaja diketuk oleh orang Melayu malah orang Cina. Apabila beduk di Kampung Bekor dibunyikan maka penduduk Kampung Kelang berkejaran untuk memberikan bantuan. Penduduk kampung Bekor yang terlibat menyatakan bahawa sebanyak 40 buah rumah telah dibakar oleh Bintang Tiga.

¹⁴⁵ Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari. Nenek beliau telah mati dibunuh ketika sedang bersolat. Jenazah beliau dikebumikan di kawasan masjid (bahagian hadapan masjid).

¹⁴⁶ CO 537/1580, Extract From Official Report, h. 8.

¹⁴⁷ CO 537/1580, Inward Telegram From Headquarters, B.M.A. (M), To 3, Of S., Colonies, Bertarikh 7th March 1946, h. 21.

dikatakan ramai namun mayat mereka tidak ditemui oleh penduduk kampung.¹⁴⁸ Persoalan ini masih menjadi tanda tanya sehingga kini. Bilangan kaum lelaki yang dibunuh adalah lebih ramai jika dibandingkan dengan kaum wanita. Di Kampung Baru kesemua yang mati terdiri dari kaum lelaki manakala dua orang sahaja yang mati di Kampung Kubang Udang.¹⁴⁹

Kekacauan serta pembunuhan ke atas orang Melayu terus berlangsung hampir di semua lokasi di Tanah Melayu. Pada 19 September 1945 berlaku pembunuhan ke atas orang Melayu di Kota Bharu (Kelantan), 26 September 1945 di Alor Gajah (Melaka), di Selangor,¹⁵⁰ Selama, Taiping, Parit,¹⁵¹ Sitiawan (Perak) dan Terengganu. Dalam kejadian di Sitiawan, seramai tujuh orang Cina terbunuh, dua cedera dan beberapa buah rumah dibakar. Pada hari berikutnya komunis membunuh serta mencederakan beberapa orang penduduk kampung.¹⁵² Pada 6 November 1945, dalam satu serangan balas, sekumpulan orang Melayu seramai 300 hingga 400 orang Melayu menyerang orang Cina di Padang Lebar, Kuala Pilah.¹⁵³ Dalam kejadian tersebut, seramai 40 orang Cina terkorban.¹⁵⁴ Kebanyakannya terdiri dari wanita dan kanak-kanak.¹⁵⁵ Dalam kejadian di Batu Malim, Raub, Pahang pada 11 Februari 1946, kekacauan berlaku di kawasan pasar yang melibatkan seramai 200 orang Melayu dan 150 orang Cina. Seramai 30 orang Cina terkorban termasuk 10 orang kanak-kanak Cina dan dua orang Melayu. Seramai 16 orang Cina dan 10 orang Melayu mengalami kecederaan.¹⁵⁶

¹⁴⁸ CO 537/1580, Surat Dari H. Ralph Hone, Headquarters, British Military Administration, Malaya, Kuala Lumpur Kepada Consul-General, Consulate-General of The Republic of China, Singapore, hlm. 17.

¹⁴⁹ Kamaruddin Mohd Piah di dalam Latihan Ilmiah beliau telah menyatakan seramai 10 orang maut di Kampung Kelang, 35 orang di Kampung Bekor, 11 orang di Kampung Baru dan 16 orang di Kampung Kubang Udang.

¹⁵⁰ WO 203/5642, Political Climate-Interview By British Authority Admin With Sultans, Aug/Dec. 45, hlm. 1.

¹⁵¹ CO 537/1580, Inward Telegram From Headquarters, B.M.A. (M), To 3, Of S., Colonies, Bertarikh 7th March 1946, hlm. 20.

¹⁵² CO 537/5985, Extract From P.M.R. 1 Secret Part I, Political Intelligence Review, Dated 5th January, 1949, hlm. 6.

¹⁵³ Mohd Nor bin Bujal, Satu Peristiwa Bersejarah Yang Saya Dapat Saksikan Dari Dekat, *Esei-esei Sejarah Malaysia II*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1982, hlm. 16. Di Kampung Padang Lebar, Pak Maakin telah dijumpai dibunuh dengan kejam di mana perut dan badannya ditikam dengan pisau oleh orang Cina. Mayatnya dikebumikan di dalam sebuah lubang yang hanya digali sedalam setengah meter. Semasa dijumpai kaki mayat itu terlunjur keluar.

¹⁵⁴ CO 537/1580, Extract From Official Report, hlm. 8.

¹⁵⁵ CO 537/1580, Surat Dari H. Ralph Hone, Headquarters, British Military Administration, Malaya, Kuala Lumpur Kepada Consul-General, Consulate-General of The Republic of China, Singapore, hlm. 11.

¹⁵⁶ CO 537/1580, Extract From Official Report, hlm. 8. Angka awal yang menyatakan seramai 100 orang Cina yang terkorban dalam insiden di Batu Malim adalah tidak benar. Mr. H.Y. Teh dari *Raub Chinese Chamber of Commerce* mengesahkan bahawa angka korban yang tepat hanyalah seramai 30 orang Cina sahaja berdasarkan kepada senarai korban yang dimiliki oleh beliau.

Kesimpulan

Orang Melayu telah menjadi mangsa kekejaman gerila Cina akibat mahu mengambil tampuk pemerintahan selepas Jepun. Orang Melayu pula memandang komunis itu Cina dan Cina itu komunis. Konflik etnik semasa pemerintahan Jepun berlanjutan sehingga ke tahun 1948. Namun terdapat banyak insiden yang melibatkan pembunuhan serta serang-menyerang yang melibatkan individu serta kawasan kampung sehingga menjelang tahun 1950-an. Menurut Khoo Kay Kim, fenomena kebangkitan dan kemarahan orang Melayu memberi kejutan kepada pihak British yang selama ini menyifatkan orang Melayu mudah menurut perintah. Kedatangan bangsa-bangsa asing yang tidak menghormati kedaulatan Melayu di Tanah Melayu telah sedikit sebanyak mencabar ketuanan Melayu.

Kekejaman MPAJA melakukan pembunuhan ke atas orang Melayu telah menyebabkan mereka menggabungkan seni mempertahankan diri dan ilmu kebal bagi mempertahankan survival bangsa. Islam digunakan sebagai paksi perjuangan. Penentangan terhadap keganasan MPAJA dianggap jihad ke jalan Allah. Islam telah dimurnikan di pandangan masyarakat setempat dengan unsur sufisme serta pembawaan tarekat. Sufisme telah menyebabkan meningkatnya aspek moral, politik serta peningkatan sosial masyarakat Islam. Ilmu kebal telah menjadi sebahagian dari amalan masyarakat Melayu khususnya ketika pengaruh Islam tidak begitu tebal di dalam masyarakat.

Sikap lepas tangan British, pengenalan Malayan Union dan pengisytiharan darurat sedikit sebanyak telah menambahkan kebulatan tekad orang Melayu. Tambahan pula apabila ia melibatkan pelanggaran ke atas kesucian agama Islam. Orang Melayu yang terdesak telah membentuk jamaah dan bersatu di bawah panji-panji Islam. Survival melalui parang panjang bukanlah bersifat perkauman, biarpun akibat dari penentangan terhadap komunis Cina akhirnya membenihkan perasaan perkauman yang sukar dipadam. Konflik etnik Melayu-Cina 1945-1948 merupakan jihad pertama orang Melayu.

Orang Melayu diakui sebagai bangsa yang penuh dengan kesantunan serta tenang, tetapi pantang dicabar apabila berlaku pencabulan ke atas budaya kehidupan serta pelanggaran ke atas kesucian agama Islam. Biarpun pada mata kasar kelihatan orang Melayu seperti mengamuk dan membunuh orang Cina, namun hakikatnya mereka membunuh komunis, yang bukan sahaja terdiri daripada orang Cina, malah penyokong-penyokong komunis daripada orang Melayu juga menerima padahnya. Episod hitam di dalam sejarah negara ini harus diperhalusi tanpa bias. Peristiwa-peristiwa yang telah berlaku inilah adalah benar dan perlu diketengahkan kepada masyarakat. Bukannya bertujuan untuk dendam-berdendam tetapi mencari satu formula bagi membina kehidupan yang lebih harmoni pada masa hadapan. Tragedi 13 Mei 1969¹⁵⁷ yang telah berlaku di Kuala Lumpur merupakan kesinambungan dari konflik etnik tahun 1945-1948.

¹⁵⁷ Peristiwa 13 Mei 1969 tercetus ekoran daripada keputusan Pilihan raya Umum pada 10 Mei 1969. Ia merupakan kemuncak kepada manifestasi perpaduan kaum di Malaysia selepas negara mencapai kemerdekaan. Tragedi ini telah mengakibatkan banyak nyawa yang terkorban serta kerosakan harta benda. Dalam kejadian berdarah itu, rusuhan dan

Bibliografi

War Office Record

WO 203/5642, Political Climate-Interview By British Authority Admin With Sultans, Aug/Dec. 45.

Colonial Office

CO 537/3757, Malaya: Chinese Affairs and Correspondence With Mr. H.T. Pagden-1948.

CO 537/1580, Growth Of The Inter-Racial Feeling In Malaya.

CO 537/1583, Religious Cults In Malaya.

Malayan Union Secretariat 1945–1946

MU. 1099/1946, Vernacular Press Summaries, 20.5.46-31.12.46.

6834/47, Dissappearance of Two Malays From Muar, 5.6.47-9.6.48.

8434/47, Protest By Majlis Islam Tertinggi, Malayan Against Using The Koran In Swearing In By Muslim Youth Joining The British Army, 18.7.47-22.9.47.

Rekod-rekod Kerajaan Negeri

Pahang

Pejabat Istana Sultan Pahang

229/1947, A.D.C. Menyembahkan Nama-nama Orang Yang Kena Seksa oleh Jepun Kerana Menolong Tuan D. Headly, 17/9/1947.

Johor

Resident Commissioner Johore

241/46, Ulu Tiram Massacre And Exhumation of Dead Bodies, 30.4.46-12.11.47.
65/46, Weekly Situation Report, 10.4.46-8.2.48.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

6203/1945, Outstation Reports And Correspondence Muar, 19.9.45-27.11.45.

Akhbar

Berita Harian, 1 Jun 2010

Kosmo, 4 Jun 2011.

berbalas serangan membabitkan penduduk Melayu, Cina dan India di Kuala Lumpur mengakibatkan 196 orang terkorban, 439 cedera, 753 bangunan musnah dan 211 kenderaan terbakar. Menurut Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), seramai 9,143 orang ditahan, kebanyakannya kerana melanggar perintah berkurung manakala 5,561 dihadapkan ke mahkamah. Dianggarkan 6,000 orang kehilangan tempat tinggal dan 10,000 lagi lari keluar dari Kuala Lumpur untuk mencari tempat yang selamat.

Majlis, 1947.
Seruan Ra'ayat, 1945-1946.
Utusan Malaysia, 28 Mei 2009, 17 Jun 2009.

Majalah

Fajar Asia, No. 5, 13 Shigatsu 2603.
Fajar Asia, No. 7, Tahun 1, 15 Gogatsu 2603.
Fajar Asia, No. 13, Tahun 1, Jugatsu 2603.

Latihan Ilmiah Dan Disertasi

Ghazali bin Basri, 1974/75. Hilir Perak: Sejarah Hubungan Ras Zaman Pendudukan Jepun Sehingga Pemerintahan Tentera British (BMA), 1942–1946. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Kamaruddin bin Mohd Piah, 1974/75. Kampung Bekur Sejak 1900, Satu Kajian Sejarah Tempatan dengan Rujukan Khas Kepada Tregedi 6 hb Mac 1946. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Musak Mantrak, 1974/75. Sejarah Masyarakat Majemuk di Mukim VII Batu Pahat, Johor 1900-1945. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya,

Buku dan Artikel

Abdullah Zakaria Ghazali, 1997. *Pasir Salak Pusat Gerakan Menentang British di Perak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Burridge, Kenelm, O.L., May 1951. "Racial Relations in Johore." *Australian Journal of Politics and History*, Vol. II, No. 2.

Cheah Boon Kheng, 1981. "Sino Malay Conflicts in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance." *Journal of Southeast Asian History*, Volume 12, No. 1.

Chin Kee Onn, 1946, *Malaya Upside Down*. Singapore: Jitts & Co.

Cheah Boon Kheng, 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*. Singapore: Singapore University Press.

Del Tufo, M.V., 1949. *A Report On The 1947 Census of Population*. Singapore: The Government Publications Bureau Singapore.

Faaland, Just, Jack Parkinson. Rais B. Saniman, 1991, *DEB Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hairi Abdullah, 1973/4, 1974/5. "Kebangkitan Dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat." *JEBAT*, Bil., 3/4..

- Ibrahim Mahmood, 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Kratoska, Paul, H., 1997. *The Japanese Occupation of Malaya 1941–1945*. Honolulu:University of Hawai'i Press.
- Mohd Akbal Abdullah, Kiayi Fadhil Al-Banteni, 2006. dlm Johor Mengenang Sumbangsihmu. Ed. Abu Bakar A. Hamid, Md. Ismail Zamzam, Kamdi Kamil, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Mohd Nor bin Bujal, 1982. "Satu Peristiwa Bersejarah Yang Saya Dapat Saksikan Dari Dekat" *Esei-esei Sejarah Malaysia II*, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Purcell, Victor, 1948. *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press.
- Roff, William, R., *Nasionalisme Melayu*. 1967. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Naguib Al-Attas,1963. *Some Aspects of Sufism as Understood And Practised Among The Malays*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd..
- Sullivan, Patrick, 1982. *Social Relations of Dependence In A Malay State: Nineteenth Century Perak*. Kuala Lumpur: Art Printing Works.
- Siti Rodziah Nyan, 2009. *Akhbar Saudara Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*,Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stockwell, A.J., 1979. *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment*. Monograph No. 8. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society.
- Yahaya Abu Bakar, June 1976. "Kebangkitan Tok Janggut Menentang Jepun." *Malaysia in History*, Vol, 19, No. 1,.
- Zaharah Nawawi,1995. *Panglima Salleh Selempang Merah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin b. Abdul Wahid, 2008. Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa, dlm. *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____, *Islam Di Tanah Melayu Abad Ke-19*, _____.

Kertas Seminar

Abu Talib Ahmad, 2006. "Darurat Dan Perpaduan Antara Kaum." *Persidangan*

Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar, 1-4 Disember, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor.

Ho Hui Ling, 2006. "Darurat Dan Perpaduan Antara Kaum." *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*, 1-4 Disember, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor.

Nik Anuar Nik Mahmud, 2006. "Dato Onn Jaafar Dan Strategi Pengukuhan Ketuanan Melayu." *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*, 1-4 Disember, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor.

Sivachandralingam Sundara Raja, 2007. "Pembangunan Ekonomi Dan Hubungan Kaum Di Tanah Melayu, 1500-1957.", *Seminar Kebangsaan Ketamadunan, Hubungan Etnik & Kokurikulum*, 20 & 21 Mac, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.

Wawancara

Arif bin Nong, Anak Sulung Tok Pawang Nong bin Santan, Kampung Jenerih, Ulu Cheka, Jerantut, Pahang. Wawancara, 27 November 2007.

Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari, Saksi Peristiwa 6 Mac 1946, Bekor, Kuala Kangsar, Perak. Wawancara, 20 November 2008.

Tuan Haji Hanapiah bin Haji Salleh, Penduduk Parit 13 A, Sungai Manik, Perak. Wawancara, 6 Jun 2008.

Ibrahim bin Uda Mohamad, Penduduk Kampung Suak Petai, Manong, Perak. Wawancara, 21 November 2008.

Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohamad Said, Pejuang Parang Panjang, Parit 3 B, Sungai Manik, Perak. Wawancara, 6 Jun 2008.

Tuan Haji Yahaya bin Haji Abbas, Anak Sulung Tuan Haji Abbas (Tok Guru Ilmu Kebal), Kampung Sungai Choh, Hulu Selangor. Wawancara, 18 Februari 2010.

Tuan Haji Yusof bin Salleh, Anak Sulung Kiai Salleh, Johor Bahru. Wawancara, 8 Disember 2009.

Tuan Haji Zakaria bin Awang, Bekas Sidang, Parit 8 C, Sungai Manik, Perak. Wawancara, 5 Jun 2008.

